

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)

SEMPENA PROJEK JEJAK KAMPUS 2011

(KESINAMBUNGAN PROGRAM SELANGKAH KE

UNIVERSITI)

PADA 18 FEBRUARI 2011 (JUMAAT)

DI DEWAN KAPITOL UNIMAP, KANGAR PERLIS.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam
Satu Malaysia

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri
Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan
Negeri Perlis

Yang Berhormat Dato' Azizan Aziz , Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis

Yang Berbahagia Datin Seri Mahani Abd Hamid, Wakil Badan
Amal Kebajikan Tenaga Isteri (BAKTI)

Yang Berbahagia En. Mansor Lat, Pengarah Pelajaran Negeri
Perlis

Yang Berusaha Puan Seri Aishah Mokhtar, Yang DiPertua
Majlis Guru Cemerlang

Tan Sri, Puan Seri, Dato'-Dato'

Dekan-dekan, ketua-ketua Jabatan,

Pengetua-pengetua sekolah, guru-guru dan wakil – wakil
Media,

Seterusnya para pelajar Projek Jejak Kampus yang saya
kasihi sekalian.

Selamat Petang, Good Afternoon, Wu an, Maalai Vanakam, Ma
Sa An Khair.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah
dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam
Majlis Pelancaran dan Penyerahan Pelajar bagi Projek Jejak
Kampus 2011 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi
Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Badan Amal
Kebajikan Tenaga Isteri (BAKTI), Jabatan Pelajaran Perlis dan
Majlis Guru Cemerlang Perlis. Jutaan terima kasih saya

ucapkan buat Y.A.B Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis diatas kesudian hadir merasmikan program ini.

Semoga penganjuran majlis ini akan mendapat rahmat dari Allah memandangkan niat dan objektif penganjuran ini adalah untuk kebaikan kita bersama.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Sepertimana yang sedia maklum, Projek Jejak Kampus 2011 merupakan kesinambungan Program Selangkah ke Universiti yang telah dilancarkan pada 1 Julai 2010 yang lalu yang dicetuskan oleh Wanita Pertama Malaysia – Datin Seri Rosmah Mansor.

Program ini mempunyai dasar dan matlamatnya yang tersendiri yang mana matlamat utamanya ialah menarik minat pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Justeru, sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negeri ini, maka sudah menjadi tanggungjawab UniMAP untuk meningkatkan kesedaran kepada pelajar-pelajar di negeri ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Pada tahun lalu, seramai 180 pelajar terpilih menjadi anak angkat di UniMAP, maka pada tahun ini, dengan tertubuhnya sebuah lagi Pusat Pengajian baru iaitu Pusat Pengajian

Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIT) kita telah menambah bilangan peserta kepada 200 pelajar.

Insya Allah, kesemua pelajar ini akan terus diserapkan sebagai “Anak Angkat” kepada setiap Pusat Pengajian yang ada di UniMAP mengikut aliran masing-masing. Saya juga memberi jaminan bahawa kesemua pelajar ini akan terus dibimbing oleh pesyarah-pensyarah yang bertindak sebagai mentor sehingga mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Hadirin dan hadirat sekalian

Saya percaya ada diantara pelajar atau peserta di sini yang tidak pernah menjelaskan kaki ke universiti kerana tiada ahli keluarga mereka yang melanjutkan pelajaran. Oleh itu, melalui program ini, kita akan memberi peluang kepada semua peserta untuk merasai suasana kehidupan sebenar di kampus.

Selain itu, para pelajar juga akan didedahkan dengan teknik-teknik dan cara belajar yang betul. Program kali ini juga menitikberatkan pembentukan jatidiri serta kemahiran insaniah para peserta. Ia selaras dengan misi UniMAP yang ingin “Molahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara”.

UniMAP juga akan mengadakan program Sehari di UniMAP bersama Tenaga Akademik dan Mahasiswa selain kelas bimbingan akademik secara berkala. Sesi motivasi akan turut diterapkan kepada setiap anak angkat selain turut didedahkan dengan kem jatidiri dan kepimpinan.

Usaha ini tidak terhenti disini sahaja, sebaik sahaja keputusan SPM diumumkan kelak, UniMAP akan mengendalikan sesi konsultansi dan kaunseling kepada setiap anak angkat ini dalam memilih jurusan dan IPT yang bersesuaian dengan kelayakan masing-masing.

Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya berasa sangat gembira dan bangga kerana UniMAP berjaya menghimpunkan para pelajar dari sekolah menengah negeri Perlis untuk merasai suasana kampus UniMAP ini. Peluang seperti ini bukanlah mudah untuk diperolehi dan anda semua amat bertuah kerana terpilih untuk mengikuti Projek Jejak Kampus ini.

Saya berharap agar para pelajar tidak akan mensia-siakan peluang yang telah diberikan dan memanfaatkan sepenuhnya usaha ini untuk mencatat kejayaan yang gemilang kelak.

Izinkan saya memetik dua kata hikmah yang pernah diucapkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk kita renungi bersama :

"Sekiranya kita sanggup menghadapi risiko dan bersikap berani, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya".

"Sesungguhnya bangsa yang berjaya ialah bangsa yang rajin dan sanggup menghadapi cabaran hidup".

Justeru, besarlah harapan saya, agar anda semua akan mengambil serius program yang direncanakan ini dan melihat lebih jauh kehadapan untuk mencapai kejayaan yang diimpikan.

Imam Al-Ghazali juga pernah berpesan : **Bersungguh - sungguhlah Engkau dalam menuntut ilmu, jauhilah kemalasan dan kebosanan kerana jika tidak demikian engkau akan berada dalam bahaya kesesatan.**

Hadirin dan hadirat sekalian

Demi menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah IPTA penuh di negeri Perlis melalui program 'University Social Responsibility' (USR), hari ini saya akan mengumumkan Pusat-Pusat Pengajian yang akan membimbing para pelajar terpilih selama setahun :

ALIRAN SAINS

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Perlis	PPK Bahan
2	SMK Dato' Ali Ahmad	
3	SMK Syed Alwi	
	Jumlah Pelajar : 18 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Padang Bohor	PPK Pembuatan
2	SMK Kuala Perlis	
3	SMA Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad Diniyah	
	Jumlah Pelajar : 18 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Derma	PPK Mikroelektronik
2	SMK Putra	
3	SMK Agama (P) Kangar	
	Jumlah Pelajar : 20 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Arau	PPK Mekatronik
2	SMK Tengku Budriah	
3	SMK Syed Saffi	
4	SMK Syed Ahmad	
	Jumlah Pelajar : 18 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Dato' Sheikh Ahmad	PPK Sistem Elektrik
2	SMK Agama Arau	
3	SMK Raja Puan Muda Tg. Fauziah	
	Jumlah Pelajar : 18 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Padang Besar (U)	PPK Bioproses
2	SMK Abi	
	Jumlah Pelajar : 16 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Dato' Jaafar Hassan	PPK Alam Sekitar
2	SMK Tengku Suleiman	
	Jumlah Pelajar : 16 orang	

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Syed Sirajuddin	PPK Komputer & Perhubungan
2	SM Vokasional Arau	
3	SM Vokasional Kangar	
4	SMK Sanglang	
	Jumlah Pelajar : 18 orang	

ALIRAN SASTERA

Bil	Sekolah	Pusat Pengajian
1	SMK Syed Saffi	Inovasi Perniagaan & Teknousahawan
2	SMA Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad Diniyah	
3	SMK Sanglang	
4	SM Vokasional Kangar	
5	SMK Syed Ahmad	
6	SMK Dato' Ali Ahmad	
7	SMK Putra	
8	SMK Arau	
9	SMK Syed Sirajuddin	
10	SMK Syed Alwi	
11	SMA Al Islahiyyah	
12	SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah	
13	SMK Syed Hassan	
	Jumlah Pelajar : 64 orang	

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun:

Pergi Ke Kuala Menaiki Perahu

Singgah Ke Darat Menahan Pukat

Menuntut Ilmu Itu Fardhu

Penyuluhan Hidup Sepanjang Hayat

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....